

27 SEP 1999

Abdullah-Pertanian

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM PERTANIAN PERLU DITINGKATKAN

KUALA TERENGGANU, 27 Sept (Bernama) -- Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang pertanian perlu ditingkatkan bagi tujuan komersil untuk membolehkan sektor pertanian di negara ini berkembang maju, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata walaupun Mardi telah menghasilkan banyak penyelidikan dan penemuan baru yang boleh dijadikan bahan untuk memperdagangkan hasil-hasil pertanian, ia kurang diminati.

"Saya tak tahu mengapa (orang tak minat), boleh jadi kerana saingan dalam sektor industri dan perladangan besar ini lebih," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Peladang Negeri Terengganu di sini hari ini.

Beliau berkata apa yang perlu dilakukan untuk mencapai tahap negara pertanian maju ialah rakyat perlu mengubah cara berfikir dan tidak hanya bertumpu kepada sektor industri.

"Kita perlu mengubahkan fikiran rakyat, pengusaha dan peladang bahawa bidang pertanian memang ada potensi untuk mencapai kejayaan dan keuntungan besar," katanya.

Abdullah berkata biasanya pemilik ladang kelapa sawit yang gagal dalam projeknya akan segera menukar kawasan itu menjadi kawasan perumahan atau jika tidakpun sebagai padang golf.

Sikap itu perlu diubah kerana bidang pertanian pun boleh mendatangkan keuntungan sekiranya diusahakan dengan cara yang betul dan bersungguh-sungguh.

Katanya pihak swasta, pengusaha atau usahawan yang baru menceburi bidang perusahaan juga perlu memberi perhatian kepada sektor pertanian khususnya hal yang berkaitan dalam menghasilkan barang makanan dan yang ada hubungkait dengan penghasilan bahan-bahan yang diperlukan oleh kilang-kilang.

"Kalau ini diberi perhatian..Insyaallah kita akan lihat sektor pertanian di masa hadapan akan lebih berkembang, akan lebih maju dan akan membuktikan potensi sektor ini benar-benar besar.

"Soalnya kita perlu memikirkan bagaimana hendak mencari nilai tambah daripada hasil-hasil pertanian, bagaimana hendak menghasilkan bahan-bahan yang lebih banyak ataupun meninggikan lagi produktiviti," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata sekiranya rakyat terutama golongan petani boleh mengubah fikiran dan memikirkan segala kemungkinan serta memberi perhatian yang serius terhadap sektor pertanian, kemajuan dan keuntungan yang banyak boleh dicapai.

Katanya kerajaan akan sentiasa membantu petani serta para pengusaha dalam bidang pertanian meningkatkan hasil serta pendapatan mereka dengan menyediakan pelbagai kemudahan.

Terdahulu ketika berucap, Abdullah berkata visi terbaru Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk negara ini ialah memajukan sektor pertanian dengan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan.

"Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedang mengkaji pelbagai aset negara seperti sungai, tasik, laut dan terumbu karang untuk digunakan bagi memperkayakan negara," katanya.

Abdullah berkata kini pelbagai langkah diambil termasuk melibatkan pihak swasta kerana swasta lebih berorientasikan usaha memaksimumkan keuntungan dan mempunyai pelbagai kemudahan untuk memulihkan tanah terbiar dan mewujudkan ladang komersil.

Katanya kabinet juga baru-baru ini mahukan Universiti Putra Malaysia (UPM) memperbanyakkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pertanian termasuk dari segi pengurusan, teknologi dan pasaran.

-- BERNAMA

SN RON